



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT GALAK BUDAYA MEMBACA DALAM KALANGAN RAKYAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 23 APRIL 2024 : Dalam usaha untuk melahirkan masyarakat yang mengamalkan budaya membaca dan mempunyai minda kelas pertama, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menganjurkan **Program Jom Baca 10 Minit**. Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara secara hibrid di Dewan SMK Putrajaya Presint 9 (2), hari ini.

Program Jom Baca Bersama 10 Minit merupakan Program Galakan Membaca yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun. Program ini merupakan satu kaedah untuk menggalakkan pembacaan dan memaklumkan kepada masyarakat mengenai perlindungan harta intelek dan hak cipta. Pada tahun ini, **tema “Pembacaan Melestarikan Perpaduan”** telah dipilih di mana ia melambangkan tindakan meneroka ilmu pengetahuan menerusi pembacaan dan pembelajaran, masyarakat dapat menyumbang kepada pemeliharaan perpaduan dalam kalangan komuniti.

Jom Baca 10 Minit merupakan **inisiatif ke arah membentuk masyarakat minat membaca sekiranya dibudayakan secara konsisten akan mengubah tabiat membaca rakyat Malaysia**. Selain itu, ini merupakan program yang dijayakan bersama oleh sektor perpustakaan di Malaysia dan disokong oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi meningkatkan pembudayaan membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dalam ucapannya berkata, **“Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023 yang dijalankan oleh PNM mendapati kadar pembacaan dalam kalangan rakyat Malaysia telah meningkat daripada 15 naskhah pada tahun 2005 kepada 24 naskhah setahun pada tahun 2022/2023”**.

Menurut beliau, peningkatan ini adalah hasil daripada pelbagai program pemerksaan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa. Tambah beliau lagi **“KPN menerusi PNM secara berterusan melaksanakan kempen membaca sepanjang tahun dan buat julung kali akan menganjurkan **Karnival Baca Perdana pada Julai 2024**”**. Penganjuran program ini adalah untuk **menghidupkan semula Kempen Bulan Membaca Kebangsaan** yang pernah dilaksanakan suatu masa dahulu dengan tanda pagar (*hashtag*) **#bacasamasama**.

Pelbagai aktiviti galakan membaca diadakan sempena majlis ini berlangsung seperti **Persembahan Boneka, Sesi Bercerita, Puisi bersama Tokoh dan Forum Perpaduan Melalui Pembacaan**.

KPN berharap agar dengan penganjuran program sebegini dapat mempertingkatkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat selain menyemai semangat perpaduan dan kekitaan menerusi pembacaan.

Kementerian Perpaduan Negara

23 April 2024

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my
No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()